



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948

# Buletin APB

## EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN





# AI Bantu Mudah Kerja dan Belajar?

**SAIDATUL AKMA HAMIK**

UiTM KAMPUS SEREMBAN

Pada zaman yang canggih dan moden ini, penggunaan teknologi amat penting untuk tugas harian, tidak kira di pejabat atau di dalam kelas. Teknologi kecerdasan (AI) banyak mengubah cara hidup manusia. Revolusi Industri Keempat (4.0) yang menggunakan teknologi pintar dan moden menggunakan AI yang banyak berkait dengan internet kebendaan (IoT), robotic, pengkomputeran kuantum, blockchain, dan data raya (Azlan, Berita Harian Online, Feb, 2023).

Teknologi ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan dan memendekkan masa kerja seharian manusia. Penggunaan AI yang diperkenalkan dalam kehidupan seharian memberi perubahan yang lebih drastik melalui pembangunan teknologi yang pesat. Sedar atau tidak, kehidupan harian kita bergantung dan semakin tenggelam dengan penggunaan teknologi AI. Kita mengguna pakai carian enjin seperti Google dan Siri, perniagaan dalam talian (Shopee, Tiktok Shop, Lazada, dsb), mencari lokasi dan peta (Google Maps, Waze), mencari hiburan (Spotify), dan lain-lain aplikasi digital.



Sebagai pelajar, AI membantu pelajar menyesuaikan diri dengan rancangan pengajaran dan keperluan pembelajaran yang pelbagai. Ini bermakna bidang pendidikan tidak terkecuali daripada terlibat dengan AI. AI memberi impak positif dalam perkembangan potensi seorang pelajar. Contohnya, AI dapat memberikan bimbingan, sokongan dan maklum balas terhadap konten pembelajaran atau tahap pengetahuan pelajar (Hwang et al., 2020). Malah, AI juga dapat membantu pengajar memahami prestasi, kemajuan, dan potensi pelajar melalui data aliran mereka (Roll & Winne, 2015; Fong et al., 2019; Seo et al., 2021; Holstein et al., 2018).

Bagi pelajar di aliran pengajian tinggi, AI membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar melalui penghasilan output yang bagus seperti melalui bantuan penulisan, terutamanya kepada pelajar yang bukan penutur utamanya adalah Bahasa Inggeris (Chan & Lee, 2023). Dengan bantuan AI, ia dapat memudahkan pelajar dalam penulisan, menjana idea, mensintesis maklumat dan meringkaskan sejumlah besar data teks (Berg, 2023; Chan & Zhou, 2023) bagi membantu pelajar menganalisa data dan penghasilan penulisan yang efisien (Kitamura, 2023; Van Dis et al., 2023).

Bagaimanapun, terdapat cabaran dan keterbatasan dalam penggunaan AI. Isu yang berkaitan dengan etika, plagiat dan integriti akademik sering dipersoalkan. Output teks yang dihasilkan dari AI, walaupun asli dan berkaitan dengan topik tetapi rujukan yang diberi tidak bersesuaian. Di samping itu, konten yang dihasilkan oleh AI mungkin berat sebelah, tidak tepat atau berbahaya (Harrer, 2023) dan AI tidak dapat menilai kesahihan kandungan dan menentukan output yang dihasilkan mengandungi kepalsuan atau maklumat yang salah. Oleh yang demikian, pengawasan manusia diperlukan untuk mengawal penggunaan AI (Lubowitz, 2023). Perlu diingat, walau kecanggihan teknologi membantu memudahkan kerja seharian, tetapi ianya tetap sistem atau modul ciptaan manusia yang penuh dengan kekurangan.

Kepakaran manusia dalam pemikiran kritis dan kreatif mampu menghasilkan output yang lebih baik dengan bantuan AI. Sebagai manusia kita perlu mengawal penggunaan AI dan menggunakan akal fikiran yang waras untuk mengesahkan penilaian yang dijana oleh AI.

Berikut adalah antara platform AI yang boleh digunakan oleh pelajar sepanjang sesi pembelajaran dan pengajaran supaya pelajar dapat menambah skill dan menjadikan sesi pembelajaran lebih seronok:

#### 1. ChatGPT

ChatGPT berfungsi sebagai *chatbot* yang bersifat serba boleh yang membantu beri info dan maklumat penting yang diperlukan. Contohnya, ChatGPT mempunyai keupayaan untuk menulis, membantu koding computer, mengarang muzik, menulis lirik puisi dan lagu dan sebagainya.

#### 2. Canva

Canva adalah platform reka bentuk grafik yang boleh digunakan dalam pelbagai perkara terutama dalam menghasilkan konten visual dan digunakan untuk mengedit gambar atau video. Malah, Canva juga boleh digunakan untuk membuat slide presentation, e-book, poster, resume, dan sebagainya. Menarik bukan? Canva boleh digunakan untuk pelbagai tujuan kerana reka bentuk templat yang disediakan sangat menarik dan kreatif dan ciri-cirinya yang mesra pengguna memudahkan sesiapa sahaja menggunakan platform ini.



#### 3. Uizard.IO

Uizard.IO adalah platform untuk membangunkan laman web. Uizard.IO sangat mesra pengguna dan mudah digunakan oleh sesiapa sahaja. Platform ini tidak memerlukan pengguna master di dalam koding atau *command prompt*.

#### 4. Copy.ai

Copy.ai adalah platform untuk membuat konten bagi membantu penulis dan pemasar menulis konten yang berkualiti tinggi. Copy.ai juga boleh digunakan untuk membantu pelajar menyiapkan tugas dan pembentangan melalui hasil maklumat yang diberikan.

Melihat kepada platform AI yang menarik di atas, penggunaan AI ternyata dapat membantu kehidupan seharian pelajar dan pekerja. Bukan sahaja di dalam kelas mahupun di pejabat, platform AI kini diperluaskan penggunaannya kepada pencipta konten digital (*digital content creator*).

Secara keseluruhannya, penyelidikan lanjut amat diperlukan untuk lebih memahami penggunaan AI di aliran pengajian tinggi. Melalui cara ini, penggunaan AI boleh dikawal selia dengan sebaiknya agar bidang pendidikan dapat memanfaatkan sepenuhnya teknologi yang ada dalam menambah baik perkembangan pendidikan dari semasa ke semasa.

## Reference

- Azlan Muharam (2023). Teknologi AI pemudah proses pembelajaran, cetus kreativiti pelajar. BHOonline pada Februari 22, 2023.
- Berg, C. (2023). The case for generative AI in scholarly practice. [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=4407587](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=4407587)
- Chan, C. K. Y., & Lee, K. K. W. (2023). The AI generation gap: Are Gen Z students more interested in adopting generative AI such as ChatGPT in teaching and learning than their Gen X and Millennial Generation teachers? <https://arxiv.org/abs/2305.02878>
- Chan, C. K. Y., & Zhou, W. (2023). Deconstructing Student Perceptions of Generative AI (GenAI) through an Expectancy Value Theory (EVT)-based Instrument [Preprint]. arXiv. <https://arxiv.org/abs/2305.01186>
- Fong, M., Dodson, S., Harandi, N. M., Seo, K., Yoon, D., Roll, I., & Fels, S. (2019). Instructors desire student activity, literacy, and video quality analytics to improve video-based blended courses. In Proceedings of the Sixth (2019) ACM Conference on Learning@ Scale (pp. 1–10).
- Harrer, S. (2023). Attention is not all you need: The complicated case of ethically using large language models in healthcare and medicine. *eBioMedicine*, 90, 104512. <https://doi.org/10.1016/j.ebiom.2023.104512>
- Holstein, K., Hong, G., Tegene, M., McLaren, B. M., & Aleven, V. (2018). The classroom as a dashboard: Co-designing wearable cognitive augmentation for K-12 teachers. In: Proceedings of the 8th international conference on learning analytics and knowledge (pp. 79–88).
- Hwang, G. J., Xie, H., Wah, B. W., & Gašević, D. (2020). Vision, challenges, roles and research issues of Artificial Intelligence in Education. *Computers and Education: Artificial Intelligence*, 1, 100001.
- Kitamura, F. C. (2023). ChatGPT is shaping the future of medical writing but still requires human judgment. *Radiology*, 307(2), e230171. <https://doi.org/10.1148/radiol.230171>
- Lubowitz, J. H. (2023). ChatGPT, an artificial intelligence chatbot, is impacting medical literature. *Arthroscopy*, 39(5), 1121–1122. <https://doi.org/10.1016/j.arthro.2023.01.015>
- Roll, I., & Winne, P. H. (2015). Understanding, evaluating, and supporting self-regulated learning using learning analytics. *Journal of Learning Analytics*, 2(1), 7–12.
- Seo, K., Dodson, S., Harandi, N. M., Roberson, N., Fels, S., & Roll, I. (2021). Active learning with online video: The impact of learning context on engagement. *Computers & Education*, 165, 104132.
- Van Dis, E. A. M., Bollen, J., Zuidema, W., van Rooij, R., & Bockting, C. L. (2023). ChatGPT: Five priorities for research. *Nature*, 614, 224–226. <https://doi.org/10.1038/d41586-023-002887>